



MPP merakamkan gambar kenangan bersama Naib Canselor dan TNC UMS.

Pemimpin mahasiswa hadiri Majlis Ramah Mesra Naib Canselor

UG 9.11.2017 A12

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Ramah Mesra Naib Canselor bersama pemimpin mahasiswa di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselori, UMS.

Majlis Ramah Mesra itu dimulakan dengan sesi suai kenal barisan MPP yang baharu dibentuk oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. D. Kamarudin D. Mudin mengucapkan tahniah kepada barisan MPP baharu yang dibentuk.

Menurut beliau kepimpinan

MPP ini adalah merupakan suatu proses pendidikan dan pembelajaran kepada mahasiswa di UMS dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap kebajikan dan membantu mahasiswa secara keseluruhannya seiring dengan misi dan visi UMS.

Beliau menekankan, sebagai pemimpin harus ada empat kata kunci ini, iaitu D-S-I-J. Di mana D membawa kenapa Dinamik, S ialah Sustainable, I pula Integrity dan J ialah Justice.

Manakala menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS, jika ada masalah dan persoalan kami di pihak pengurusan UMS sentiasa membantu anda, jangan mudah percaya

dengan viral di media sosial sekarang. Rajin bertanya sebelum menyebarkan apa-apa sahaja isu yang berlaku untuk mendapat kesahihannya.

Turut diadakan dalam majlis itu ialah penyerahan Nota Serah Tugas daripada MPP sesi 2016/2018 kepada Presiden MPP sesi 2017/2018 dan penyerahan Laporan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) bagi sesi 2017/2018 daripada Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (HEPA) kepada Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin Naib Canselor, UMS.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmadi Nurdin dan pegawai-pegawai HEPA.



PEMIMPIN mahasiswa hadiri pertemuan bersama Naib Canselor.